

## Apa UMNO sepatutnya lakukan!

Contributed by Webmaster  
Tuesday, 08 December 2009  
Last Updated Tuesday, 08 December 2009

CATATAN ANUAR MOHD NOR : MCA terus bergolak &ndash; belum surut-surutnya. Kadir Jasin di saman oleh Zaid Ibrahim &ndash; laporan polis atas Setiausaha Politik Najib, Shafei Abdullah di buat oleh MPT Keadilan, Badrul Hisham dan ada pula Setiausaha Politik yang sedang di siasat. Ini di tambah pula Ahmad Said tidak mahu melanjutkan tempoh malah meminta dipercepatkan kontrak jawatan beliau dengan SPRM untuk di tamatkan. Isu demi isu ini masih berlegar dan UMNO masih hanya mampu melihat bagaimana serangan berterusan dilakukan oleh Pakatan Rakyat ke atas mereka. Laman WEB dan Blog penuh dengan perkara-perkara yang terus memburu UMNO dan kerajaan. Dalam masa itu UMNO dan kerajaan yang ada nampak hanya menerima hukum &ndash; di serang dan terus diserang. Bukan sahaja UMNO gagal menyerang balik tetapi nampak gayanya untuk bertindak defensif juga UMNO kurang nampak mampu. Sejauh mana UMNO dapat bertahan. Adakah kerajaan Najib tidak menampakkan keseriusan beliau untuk apa yang disebut reformasi UMNO. Adakah Najib masih di kelilingi oleh corak ortodoks &ndash; pemikiran dan minda usang yang masih belum mendapat formula untuk bangkit bersaing dan melakukan perubahan. UMNO sebagai dominan kerajaan memerintah masih terus tersepit sungguhpun sudah banyak melakukan cubaan untuk perubahan. Najib melaungkan reformasi dalam UMNO &ndash; melaungkan Suara Rakyat Suara Keramat namun dalam usaha mengubah &ndash; bertindak mengadakan reformasi &ndash; UMNO berterusan terikat. Bagaimana harus UMNO menyelesaikan serangan yang berterusan di buat. Adakah UMNO masih lagi terikat kepada budaya ortodoks dan seterusnya akan hilang dan tewas pada proses evolusi pembangkang sedang kita masih menjadi &ldquo;punching bag&rdquo; mereka. Mungkin hari ini apa yang jelas kelihatan UMNO masih mencari-cari penyelesaian yang mampu mempertontonkan perubahan yang telah diambil dan perubahan yang sedang di tuntutan dan sudah dijanjikan akan berlaku. Reformasi UMNO masih lagi mentah &ndash; masih tidak mempunyai kekuatan yang menyeluruh dan kesengsaraan ini di tambah dengan kepesatan PR memainkan isu yang mampu menjerut leher kita. Media Internet sudah dijajah dan melihat apa yang berlaku &ndash; saingan terhadap penjajahan media alternatif ini masih jauh untuk mengecap kemenangan. UMNO sehingga hari ini masih mengigau &ndash; mencari formula baru sedangkan telah banyak berusaha untuk mengubah namun tidak memberi kesan menyeluruh. Saya sendiri terpaksa berhati-hati menceritakan kenapa ia masih terbelenggu dalam kekalahan sedangkan kesedaran untuk melakukan sesuatu yang positif sudah ada dan sudah di mulakan. Apa yang berlaku dan apa yang tidak berlaku &ndash; setelah diharapkan berlaku hanya perlu dijawab dengan satu kenyataan &ndash; UMNO terus di tipu. Penjangak dalam UMNO terus bermaharajalela menipu kepimpinan baru dalam UMNO yang nampak mempunyai fokus serius dalam usaha untuk bangkit &ndash; memenangi kepercayaan rakyat dan mendominasi media alternatif. Penjangak ini terus menipu dan usaha mereka yang sudah ada visi baru terperangkap kerana keengganan mereka melihat di luar skop yang ada. Kepimpinan UMNO perlu keluar dan melihat keadaan yang ada dan jangan hanya berharap kepada belatuk-belatuk yang ada &ndash; yang hanya mengganggu tanpa mahu mendengar kedudukan yang ada. Bagaimana mahu mendahulukan rakyat sedangkan kita tidak kenal rakyat kita sendiri? Sehingga hari ini kedudukan UMNO tidak nampak perbezaan &ndash; sungguh pun visi Perdana Menteri Malaysia hari mahu mencuci abuk di kalangan ahli yang masih berdebu dan kotor. Apa sebenarnya yang perlu UMNO lakukan. Apa lagi yang perlu dan perlu dilakukan. Adakah mungkin Najib juga kelihatan tersepit &ndash; terperangkap dengan laungan beliau sedangkan yang lain hanya menanti untuk mencari ruangan sekiranya perubahan kerajaan berlaku. Apa harus UMNO lakukan &ndash; apa yang sepatutnya UMNO lakukan &ndash; sehingga ini masih terus dijajah dalam kerangka beliau sendiri.